



## Soalan 1

**A**PA yang saya inginkan sekarang ialah kebahagiaan dan ketenangan. Saya mempunyai kerjaya stabil, namun kehidupan songsang membuat perasaan saya tidak tenang sekali pun mengamalkan kewajipan dalam Islam.

Amalan songsang saya semakin aktif selepas menamatkan pengajian di universiti dan mengenali laman sosial berkenaan golongan seperti saya.

Dua tahun lalu saya berkenalan dengan seorang lelaki dan hubungan kami berjalan hingga sekarang.

Hubungan yang asalnya hanya kenalan seks bertukar kepada satu perasaan sayang. Perasaan saya menjadi kacau selepas mendapat tahu dia bercinta dengan kenalan saya yang lain.

Sikapnya mula berubah, dia tidak menghargai saya lagi. Apabila berlaku konflik antara dia dan pasangannya,

# Kekasih guna bomoh

## Diri turut dijadikan orang tengah untuk cari dan selidik pasangannya

saya menjadi orang tengah atau 'pemandu' kepadanya untuk mencari dan menyelidik pasangannya sehinggalah saya mengikutinya berjumpa bomoh untuk mengguna-gunakan pasangannya itu.

Sepanjang berkenalan dengannya, saya tidak sangka dia menggunakan saya. Baju yang saya belikan kepadanya diberikan kepada pasangannya, malah baju saya dan baju kawan turut diberikan kepada pasangannya yang bukan seorang, tapi dua tiga orang.

Makan minum dan tempat tinggal saya tanggung, malah kereta saya digunakan keluar berjumpa

pasangannya. Saya pula dilayan seadanya, kalau bergurau, tumbukan, libasan penyangkut baju sering hinggap di badan.

Saya hanya mampu menangis, namun dia hanya gelak dan tersenyum sinis. Saya banyak bersabar dengan sikapnya kerana sayangkannya selain seorang yang sangat setia. Sudah beberapa kali saya cuba mengelak diri seperti mematikan nombor telefon dan berpindah jauh ke tempat lain, tapi dia tetap mencari saya.

Akhir sekali saya mengahlaunya, namun saya pujuk dia kembali kerana tidak mampu kehilangannya.

Namun, dia tidak berubah, malah semakin membuatkan saya sakit hati. Saya tidak tahu bagaimana hendak membuang perasaan terhadapnya. Saya tidak mahu kehilangan dia, namun pada masa sama, hati saya marah dengan perangnya yang tidak pernah menghargai saya.

**Insan Merana,  
PETALING JAYA**

## JAWAPAN

**D**R empati dengan apa adik alami kerana bukan mudah untuk melupakan cinta indah. Hubungan cinta tanpa mengira jantina lahir dari perasaan ingin

menyayangi dan disayangi. Ia keperluan psikologi manusia. Apabila perasaan sayang dan dihargai ketandusan, akan keringlah emosi. Seperti layunya daun berguguran di atas tanah gersang.

Katakan pada diri, pasangan yang tidak setia dan ganas tidak layak untuk adik. Apa yang lebih penting, hubungan songsang ini terlarang Agama mengharamkannya. Selain itu, masyarakat juga tidak merestui perhubungan sejenis. Berusaha untuk berhenti daripada amalan songsang adik.

Lihat semula perspektif hubungan ini. Memang

sukar melupakan orang yang amat disayangi, namun jika tidak dilakukan, ia semakin membarah. Lakukan secara perlahan proses untuk melupakan kekasih.

Memohon bantuan kepada Allah melalui solat, doa dan berzikir dapat memberi ketenangan dan kebahagiaan diri. Segala rawatan yang adik lakukan perlu dengan kesungguhan. Jika tidak, perjuangan hanya separuh jalan dan ia menyakitkan.

Dr doakan adik berjaya mendapat kebahagiaan dan ketenangan serta kembali kepada perhubungan yang diredhai agama.

# MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN ANDA.

## Lawati Pameran Pemasaran Percuma kami

**Printworks®** ialah satu peluang untuk anda bagi khidmat nasihat pengiklanan dan pemasaran berkesan buat perniagaan anda. Melalui seminar 30 minit ekspo kami, anda akan mengetahui strategi membangunkan asas perniagaan, mendapatkan pelanggan baharu dan kekal di hadapan pesaing anda dengan kos yang lebih berpatutan.

Di samping itu, kami juga menawarkan rangkaian pakej pengiklanan yang memenuhi sasaran kepada hadirin ekspo kami - sesuai dan berpatutan untuk semua jenis perniagaan, bermula kurang daripada RM320 seminggu.

**Printworks®** akan diadakan di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan P. Pinang.

Untuk mendaftar atau mengetahui maklumat lanjut berkenaan lokasi, sila layari [www.printworks5.asia](http://www.printworks5.asia) atau hubungi 03 2332 6665.

Daftar di **WWW.PRINTWORKS5.ASIA** atau hubungi 03 2332 6665  
KUALA LUMPUR - ISNIN, 9 JULAI - JUMAAT, 13 JULAI  
P. PINANG - ISNIN, 16 JULAI • JOHOR BAHRU - RABU, 18 JULAI

# Cemburu rakan jadi rebutan

## SOALAN:

**S**AYA pelajar tahun pertama di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di selatan tanah air. Saya seorang pelajar yang sederhana dari segi pelajaran, rupa paras dan kekayaan.

Untuk pengetahuan Dr, saya dapat memasuki IPTA melalui ijazah diploma. Saya agak tertekan kerana cemburu dengan seorang rakan universiti.

Dia cantik, pandai dan datang daripada keluarga berada. Dia masuk melalui matrikulasi. Umurnya lebih muda daripada saya, tapi dia nampak jauh bergaya. Ramai pelajar universiti cuba menjadikan dia teman wanita.

Saya perhatikan pelajar lelaki di kampus hanya memberi tumpuan kepada pelajar perempuan cantik saja. Saya anggap mereka sebagai miang dan gatal.

Saya cemburu pada dia. Kadangkala saya terfikir mengapa saya tidak sebandar, secantik dan sekaya dia. Ini membuatkan saya sedih dan menangis. Saya juga sering rasa rendah diri.

**Siswi Rendah Diri,  
JOHOR**

## JAWAPAN:

**D**R merasa empati dengan bapa yang adik alami. Sememangnya, secara psikologi, setiap individu ingin disayangi dan dihargai. Individu akan berusaha untuk berkembang

bagi mencapai kesempurnaan yang subjektif.

Perasaan rendah diri boleh berlaku apabila individu membuat perbandingan dengan orang yang mempunyai kelebihan dengan dirinya. Apabila adik mula membuat perbandingan dengan rakan yang adik persepsikan sebagai 'lebih pandai, lebih cantik dan lebih kaya', konsep sendiri akan rendah. Adik mula mempersoalkan banyak ciri dan sifat yang adik miliki.

Berasa cemburu adalah sifat semula jadi manusia. Lumrahnya, tidak salah berasa cemburu, tapi jangan ia memakan diri. Sebaliknya, jadikanlah rasa cemburu itu sebagai pembakar semangat adik lebih berjaya dalam hidup.

Kejayaan memasuki universiti adalah satu potensi diri dan membuktikan adik seorang yang pandai. Melalui potensi diri ini, adik boleh meningkatkan lagi kejayaan dalam pelajaran daripada usaha yang bersungguh-sungguh.

Beri fokus dalam pelajaran dan belajar berhenti membuat perbandingan dengan orang lain.

Imam Al-Ghazali menjelaskan, 'raihlah ilmu dan untuk meraih ilmu belajarlah untuk tenang dan sabar'. Untuk bersifat tenang dan sabar, melihat kelebihan orang lain perlu dijaui.

Mengenai pandangan adik bahawa lelaki memang sukakan perempuan cantik saja; mungkin ada kebenarannya kerana setiap yang indah itu memang suka dilihat.

Tapi, ini tidak bermakna setiap lelaki mendapat pasangan wanita cantik. Ini kerana kecantikan itu bersifat subjektif dan pada mata yang memandang dan tiada wanita yang tidak cantik.

"Kecantikan seorang perempuan bukan pada kehalusan wajah tapi pada kecantikan yang murni, terpancar pada jiwanya yang penuh kasih memberikan perhatian dan cinta". Soal membina hubungan adalah soal hati. Soal perkahwinan adalah soal jodoh.

Mengenai teman lelaki, biarlah perhubungan itu datang tanpa dipaksa. Jika yakin dan selesa pada diri sendiri dengan sendirinya orang melihat kelikhlasan diri adik. Perhubungan juga terjalin apabila orang melihat kita selesa dengan diri sendiri. Apabila diri selesa, orang lain pun akan selesa dengan kita.

Satu hari nanti, apabila adik bertemu lelaki yang ikhlas untuk menjalin hubungan dengan adik, ketika itu cinta ialah apabila adik bertemu dan membuat pilihan yang tepat. Ketika itulah juga ruang kosong di antara celah jari adik dicipta untuk dipenuhi jari kekasih.